

22 FEB 2003

NAM-Abdullah (Komanwel)

ABDULLAH MAHU SEKRETARIAT GAMBARKAN KEANGGOTAAN KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menyatakan harapan supaya sekretariat bagi negara-negara Komanwel di London dapat menggambarkan keanggotaannya secara keseluruhan.

Beliau berkata ini bagi memastikan sekretariat itu tidak kelihatan seperti lebih dikuasai oleh negara-negara maju dalam Komanwel yang dianggotai bekas tanah jajahan Britain.

Katanya Setiausaha Agung Komanwel Don McKinnon, dalam pertemuan mereka hari ini, telah menyatakan bahawa usaha ke arah itu memang sedang dilakukan.

"Beliau (McKinnon) berkata Komanwel memang berusaha ke arah itu dan beliau juga ingin melihat adanya rakyat Malaysia yang berkhidmat dengan sekretariat itu," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan McKinnon di luar Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di sini.

Sekretariat itu, yang mengendalikan urusan 54 anggota Komanwel, merupakan antara badan yang diundang ke sidang kemuncak selama enam hari NAM yang bermula dua hari lepas.

Selaku tetamu, sekretariat Komanwel bagaimanapun hanya akan menghadiri majlis pembukaan dan penutup sidang kemuncak itu dan tidak terbabit dalam perbincangan.

Abdullah berkata McKinnon turut memberi taklimat mengenai program yang akan dilaksanakan di kalangan negara-negara Komanwel.

"Beliau telah memaklumkan program, khususnya yang akan dilaksanakan selepas Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) bersara. Beliau seolah-olah ingin tahu bagaimanakah pula sikap saya (terhadap program itu)," katanya.

Abdullah berkata beliau sememangnya berminat dengan program Komanwel.

"Kami juga berbincang mengenai (program) belia Komanwel kerana ini adalah satu program yang boleh menjamin masa depan Komanwel," katanya.

-- BERNAMA

JS MAM RON